

03 DEC 2002

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat ke-88 Menteri Besar dan Ketua Menteri

PUTRAJAYA, 3 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari mempengerusikan Mesyuarat ke-88 Menteri Besar dan Ketua Menteri di sini hari ini.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat itu ialah pengkajian semula keseluruhan sistem persekolahan untuk menjamin kualiti pendidikan yang lebih baik bagi pelajar.

Selain itu, ia juga membincangkan pelaksanaan program menaik taraf dan penyenggaraan jalan kampung serta perubahan kaedah pelaksanaan projek pembinaan rumah di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Mesyuarat itu dihadiri semua Menteri Besar, Ketua Menteri serta beberapa Menteri Kabinet.

-- BERNAMA

MAM MUN ZS ROS